

# ING INSURANCE BERHAD

(ING Insurance Berhad adalah dilesenkan dibawah Akta Insurans 1996 dan di bawah kawalan Bank Negara Malaysia)

## PB CASH CARE HELAIAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Untuk lebih memahami produk ini, sila baca Helaiian Pemberitahuan Produk ini.

### PERANTARAAN & ALAMAT:

Public Bank Berhad  
20<sup>th</sup> Floor Menara Public Bank  
146 Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur

Tarikh:

## Butir Peribadi Pemegang Akaun Yang Diinsuranskan dan Pelan Yang Dicadangkan

Pemegang Akaun Yang Diinsuranskan Yang Dicadangkan : \_\_\_\_\_

## PERKARA-PERKARA YANG ANDA PERLU TAHU

### 1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Polisi ini ialah insurans pendapatan hospital tanpa-penyertaan yang boleh diperbaharui setiap tahun yang memberikan faedah-faedah pendapatan hospital harian untuk penghospitalan di dalam Malaysia sahaja. Ia menawarkan perlindungan untuk penghospitalan yang berpunca dari kemalangan dan kesakitan, bagi kemasukan ke wad-wad biasa atau Unit Rawatan Rapi. Perlindungan ini juga diberikan kepada suami/isteri dan anak-anak Pemegang Akaun Yang Diinsuranskan. Polisi ini akan tamat apabila Pemegang Akaun Yang Diinsuranskan mencapai umur enam puluh lima (65) tahun.

Produk ini direka untuk tujuan perlindungan, sila rujuk kepada Sijil Insurans anda untuk faedah-faedah dipilih yang dilindungi dan premium yang perlu dibayar.

### 2. Apakah perlindungan/faedah-faedah yang diberikan?

Faedah-faedah	Basic	Superior	Deluxe
Faedah Penghospitalan Harian (berpunca dari kemalangan / kesakitan) (had harian sehingga 90 hari maksimum untuk setiap kehilangan upaya)	RM150	RM300	RM600
Faedah Penghospitalan Harian untuk Unit Rawatan Rapi (berpunca dari kemalangan / kesakitan) (had harian sehingga 30 hari maksimum untuk setiap kehilangan upaya)	RM300	RM600	RM1,200
Bayaran Balik Perubatan (berpunca dari kemalangan sahaja) (seperti yang dicaj, tertakluk kepada had maksimum tahunan)	RM400	RM500	RM600
Yuran Ambulans (berpunca dari kemalangan sahaja) (seperti yang dicaj, tertakluk kepada had maksimum tahunan)	RM250		
Faedah Belas Kasihan (untuk kematian akibat kemalangan sahaja)	RM3,000		
Jumlah Had Seumur Hidup (penggabungan kedua-dua Penghospitalan Harian untuk wad biasa dan Unit Rawatan Rapi)	365 hari		

### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium adalah tidak dijamin dan berdasarkan jenis Pelan yang dipilih dan umur yang dicapai Pemegang Akaun Yang Diinsuranskan. Anda boleh merujuk kepada Sijil Insurans untuk amaun tepat yang perlu anda bayar kepada ING Insurance Berhad.

Kadar-kadar premium bulanan semasa untuk Pemegang-pemegang Akaun Yang Diinsuranskan adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

<b>Premium Bulanan (Umur Yang Dicapai)</b>	<b>Pelan</b>		
	<b>Basic</b>	<b>Superior</b>	<b>Deluxe</b>
18 tahun hingga 34 tahun	RM40.00	RM55.00	RM95.00
35 tahun hingga 44 tahun	RM50.00	RM75.00	RM125.00
45 tahun hingga 54 tahun	RM70.00	RM105.00	RM175.00
55 tahun hingga 64 tahun *	RM100.00	RM145.00	RM250.00

\* *Nota* : Umur kemasukan maksimum Pemegang-pemegang Akaun untuk pelan ini ialah lima puluh sembilan (59) tahun (hari jadi yang terdekat). Walau bagaimanapun, perlindungan insurans boleh diperbaharui sehingga Ulang Tahun Polisi yang terdekat dengan hari jadi keenam puluh empat (ke-64) Pemegang Akaun Yang Diinsuranskan.

Kadar-kadar premium bulanan semasa untuk Suami/Isteri dan Anak-anak Pemegang Akaun Yang Diinsuranskan adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

<b>Premium Bulanan (Umur Yang Dicapai)</b>	<b>Pelan</b>		
	<b>Basic</b>	<b>Superior</b>	<b>Deluxe</b>
30 hari hingga 34 tahun	RM38.00	RM52.25	RM90.25
35 tahun hingga 44 tahun	RM47.50	RM71.25	RM118.75
45 tahun hingga 54 tahun	RM66.50	RM99.75	RM166.25
55 tahun hingga 64 tahun *	RM95.00	RM137.75	RM237.50

\* *Nota* : Umur kemasukan maksimum untuk pelan ini adalah lima puluh sembilan (59) tahun (hari jadi yang terdekat) untuk Suami/Isteri Pemegang Akaun Yang Diinsuranskan dan tujuh belas (17) tahun untuk Anak Pemegang Akaun Yang Diinsuranskan. Walau bagaimanapun, perlindungan insurans boleh diperbaharui sehingga Ulang Tahun Polisi yang terdekat dengan hari jadi keenam puluh empat (ke-64) Suami/Isteri Pemegang Akaun Yang Diinsuranskan atau hari jadi ketujuh belas (ke-17) Anak Pemegang Akaun Yang Diinsuranskan atau hari jadi keenam puluh empat (ke-64) Pemegang Akaun Yang Diinsuranskan, yang mana terdahulu. Perlindungan insurans Suami/Isteri dan Anak Pemegang-pemegang Akaun Yang Diinsuranskan boleh diperbaharui dengan syarat perlindungan insurans Pemegang Akaun Yang Diinsuranskan masih berkuatkuasa.

Premium-premium mungkin berubah tertakluk kepada budi bicara ING Insurance Berhad dan ING berhak untuk mengubah kadar premium dengan memberikan sekurang-kurangnya **tiga puluh (30)** hari notis bertulis.

Cara pembayaran Premium : Auto-debit daripada akaun anda di Public Bank Berhad

### 4. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kewajipan pendedahan** – Anda harus mendedahkan kesemua fakta yang anda tahu atau sepatutnya tahu semasa pendaftaran. Jika sebarang pendedahan yang dibuat adalah tidak benar atau insurans di bawah polisi ini diperolehi secara penipuan, polisi yang dikeluarkan boleh ditaksahkan oleh pihak Penginsurans.
- Tempoh Percubaan** – Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memulangkan Sijil Insurans dalam tempoh **lima belas (15)** hari selepas anda menerima Sijil Insurans. Premium-premium yang telah anda bayar akan dipulangkan kepada anda (selepas menolak amaun yuran perubatan, jika ada).

**Notis penting:**

- *la mungkin akan merugikan jika anda bertukar dari satu pelan Insurans Perubatan dan Kesihatan ke pelan yang lain kerana anda mungkin dikenakan syarat-syarat pengunderaitan yang baru, tempoh menunggu penuh dan mana-mana tempoh yang berkaitan untuk pengecualian penyakit-penyakit tertentu/keadaan-keadaan sedia ada polisi insurans baru.*
- *Sila simpan salinan penyata akaun bank anda sebagai bukti pembayaran.*
- *Sila ambil perhatian bahawa had-had, terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Helaian Pemberitahuan Produk ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Sijil Insurans untuk faedah-faedah, had-had, terma-terma dan syarat-syarat yang terperinci. Kandungan Sijil Insurans akan digunakan sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara Helaian Pemberitahuan Produk dan Sijil Insurans.*
- *Sekiranya anda tidak menerima Sijil Insurans selepas satu (1) bulan dari tarikh pembelian, sila hubungi ING Insurance Berhad.*

**5. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi sebarang penghospitalan, pembedahan atau caj-caj yang disebabkan oleh mana-mana **satu (1)** yang berikut:

- Kecederaan yang berlaku sebelum Tarikh Berkuatkuasa atau Tarikh Pengembalian Semula, yang mana terkemudian;
- penyakit sedia ada;
- Rawatan untuk Penyakit-penyakit Tertentu dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari yang pertama dari tarikh insurans berkuatkuasa seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Insurans.
- Disebabkan, secara langsung atau tidak langsung, dari mana-mana Penyakit yang berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh insurans berkuatkuasa seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Insurans.
- Rawatan yang berkaitan kehamilan dan kelahiran anak
- Bunuh diri, cubaan membunuh diri atau kecederaan yang disengajakan semasa siuman atau tidak siuman.
- Perang atau sebarang tindakan peperangan, yang diisytihar atau tidak diisytihar, jenayah atau aktiviti keganasan, bekerja di dalam bidang ketenteraan, mengambil bahagian di dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan

*Nota:* Pengecualian-pengecualian yang dinyatakan telah diringkaskan dan tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Sijil Insurans untuk pengecualian-pengecualian terperinci.

**6. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?**

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada ING.

**7. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada butir-butir peribadi saya?**

Adalah penting untuk anda memberitahu ING akan sebarang perubahan kepada butir-butir peribadi anda seperti pertukaran alamat supaya kami boleh terus berhubung dengan anda berkaitan maklumat penting. Anda juga perlu memberitahu kami sekiranya terdapat perubahan kepada alamat-alamat penama-penama anda supaya memudahkan pembayaran tuntutan.

## 8. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada risalah insuranceinfo berkenaan 'Insurans Perubatan dan Kesihatan', yang boleh didapati di semua Pusat Perkhidmatan ING. Anda juga boleh melawat laman web insuranceinfo di [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my) atau laman web ING di [www.ing.com.my](http://www.ing.com.my). Untuk maklumat lanjut tentang prosedur tuntutan, sila rujuk kepada laman web ING.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Bancassurance, ING Insurance Berhad (17007-P)  
23<sup>rd</sup> Floor, Menara Boustead,  
71, Jalan Raja Chulan,  
50200 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel: 03 - 2058 4838  
Faks: 03 - 2078 3242  
Talian Bebas Tol: 1-800-181-464

## 9. Lain-lain jenis perlindungan Insurans Perubatan dan Kesihatan yang boleh didapati

Sila hubungi ING untuk pelan-pelan lain dari jenis yang sama yang ditawarkan oleh ING Insurance Berhad.

### **NOTA PENTING:**

**ANDA SENDIRI SEHARUSNYA BERPUAS HATI YANG POLISI INI BERSESUAIAN DENGAN KEPERLUAN ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PEGAWAI BANK ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang diberikan di dalam helaian pemberitahuan ini sah bermula dari <tarikh>

Sekiranya versi Helaian Pemberitahuan Produk ini bertentangan versi Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris akan digunakan sebagai rujukan.